

Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan Murid Bukan Melayu

(The Level of Malay Language Competency and The Achievement of Non-Malay Students of Business Subjects)

Savitry Chelliah^{1*} , Norasmah Hj Othman²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: savitrychelliah@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: lin@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Savitry Chelliah
(savitrychelliah@gmail.com)

KATA KUNCI:

Bahasa Melayu
Penguasaan
Pencapaian
Prestasi
Murid bukan Melayu

KEYWORDS:

Malay language
Proficiency
Achievement
Performance
Non -Malay students

CITATION:

Savitry Chelliah & Norasmah Othman.
(2022). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan Murid Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001509.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1509>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian prestasi bagi mata pelajaran Perniagaan dalam kalangan murid bukan Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai enam orang guru berpengalaman telah dipilih sebagai responden kajian. Pilihan dibuat berdasarkan pengalaman mereka mengajar di sekolah yang memiliki murid pelbagai etnik. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara penguasaan bahasa Melayu murid dengan pencapaian prestasi mata pelajaran Perniagaan mereka. Kelemahan penguasaan kemahiran membaca, menulis serta bertutur dalam kalangan murid bukan Melayu yang berasal daripada sekolah vernakular memberi impak terhadap pencapaian prestasi akademik mereka. Justeru, melalui kajian ini, pihak yang bertanggungjawab dapat mengenal pasti solusi bagi membendung masalah penguasaan bahasa Melayu yang dihadapi oleh murid bukan Melayu. Ini kerana penguasaan bahasa Melayu amat penting bagi mereka untuk mendapat prestasi yang baik dalam mata pelajaran Perniagaan.

ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between Malay language proficiency and performance achievement for Business subjects among non-Malay students. This study uses a qualitative approach. A total of six experienced teachers were selected as study respondents. Choices were made based on their teaching experience in schools that had multi-ethnic students. The results show that there is a positive relationship between students' Malay language proficiency with the achievement of Business subjects. Weaknesses in the mastery of reading, writing and speaking skills among non-Malay students from vernacular schools have an impact on their academic performance. Thus, through this study, those responsible can identify solutions to curb the problem of Malay language proficiency faced by

non-Malay students. This is because the mastery of the Malay language is very important for them to get good performance in Business subjects.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini mendapati bahawa kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu berada pada tahap yang membimbangkan. Maka, kajian ini dapat dijadikan panduan oleh pihak tertentu seperti Kementerian Pendidikan, pihak sekolah dan ibu bapa bagi mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu.

1. Pengenalan

Peranan dan kepentingan penguasaan bahasa dalam kurikulum memberikan impak kepada pembelajaran seseorang ([Fakeye & Ogunsiji, 2009](#)). Kemahiran berbahasa terbukti mempengaruhi pencapaian akademik ([Aina, Ogundele & Olanipekun 2013](#)) dan terdapat bukti yang menunjukkan wujudnya korelasi positif antara prestasi murid dengan kecekapan Bahasa mereka ([Fakeye & Ogunsiji, 2014](#)) Ketidakecakapan bahasa biasanya mengakibatkan pencapaian prestasi akademik yang lemah ([Daller & Phelan, 2013](#)). Misalnya, di Filipina, bahasa pengantar di institusi pendidikan adalah bahasa Inggeris. Kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah, menengah serta universiti menunjukkan kemerosotan kualiti pendidikan yang ketara ([Robelle & Ronald 2016](#)). Sesungguhnya penguasaan bahasa adalah kunci pencapaian prestasi akademik. Penguasaan bahasa yang lemah merupakan salah satu faktor halangan dalam proses pengajaran ekoran tiada komunikasi yang berkesan antara guru dan pelajar ([Komba & Bosco, 2015](#)).

Di Malaysia, bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara serta bahasa pengantar dalam sistem pendidikan Kebangsaan ([Mior, 2011](#)). Namun, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid pelbagai etnik terutamanya murid berbangsa Cina dan India masih belum memuaskan ([Teo, 2014](#)). Cabaran penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid selain dihadapi oleh guru bahasa Melayu, malah turut dirasai oleh guru yang mengajar mata pelajaran Perniagaan ([Nurhijrah et al., 2019](#)). Guru Perniagaan yang mengajar murid multi etnik khususnya murid Cina dan India menghadapi masalah untuk memberi kefahaman tentang ilmu Perniagaan terutamanya yang berada di kelas belakang ([Nurhijrah, 2017](#)). Ketidakecakapan berbahasa Melayu menyebabkan pemerolehan pengetahuan dan kefahaman terhadap mata pelajaran Perniagaan terjejas ([Nurhijrah et al., 2019](#)). Kesukaran untuk memahami kehendak soalan menjurus kepada kesalahan interpretasi mengakibatkan kegagalan menjawab soalan esei ([Nur Maizatul et al., 2017](#)). Justeru, penguasaan kemahiran bahasa yang lemah mendamparkan matlamat kurikulum Perniagaan bagi melahirkan murid yang dapat berkecimpung dalam bidang perniagaan dan keusahawanan ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017](#)).

2. Sorotan Literatur

2.1. Penguasaan Bahasa

Penguasaan bahasa merupakan kemampuan serta kebolehan seseorang menggunakan bahasa dengan lebih cekap dan efisien. Penguasaan bahasa individu diukur menerusi saiz kosa kata yang dikuasai serta perkaitannya dengan kemahiran membaca, bertutur dan menulis ([Nation, 2011](#)). Kelemahan penguasaan kosa kata menyebabkan seseorang gagal menggunakan struktur dan fungsi bahasa yang betul dalam komunikasi sama ada

dalam bentuk tulisan mahupun lisan (Norizan & Zaitul Azma, 2013). Kajian Nadwah dan Nadhilah (2014) terhadap pelajar dalam penguasaan bahasa Arab menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata yang terhad menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai kemahiran bertutur. Murid hanya boleh bertutur dengan perkataan lazim yang pendek serta tidak dapat menyokong idea dengan penjelasan lanjut berdasarkan topik perbincangan (Nora'Azian & Fadzillah, 2018).

Perbezaan linguistik antara bahasa pertama dan bahasa Ibunda menimbulkan gangguan dalam pembelajaran bahasa kedua (Roshidah, 2015). Kajian yang dilakukan terhadap 14 mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia yang merupakan penutur natif bahasa Iban oleh Shahidi et al. (2015) juga menunjukkan bahawa perbezaan aspek realisasi fonetik antara bahasa menyukarkan penutur bahasa Iban menguasai bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan penutur perempuan Iban tidak cenderung untuk memindahkan sistem bunyi vokal ke sistem bunyi vokal bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Alat artikulasi penutur bukan Melayu sudah biasa terlatih untuk menyebut dalam bahasa Ibunda menyukarkan mereka menguasai bahasa Melayu (Chew 2016). Penggunaan bahasa Ibunda dalam pertuturan lebih selesa bagi seseorang berbanding dengan bahasa kedua (Noor Azmira & Noor Azlili, 2019).

Ooi (2017) melakukan kajian terhadap 77 orang murid Cina daripada darjah 4, 5 dan 6 bagi menganalisis faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu. Hasil kajiannya mendapati faktor minat, sikap, faktor persekitaran serta latihan merupakan aspek yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Chew (2016) di mana masalah pembelajaran yang dihadapi murid bahasa kedua adalah berpunca daripada kurangnya sokongan daripada ibu bapa, guru serta rakan-rakan. Pendedahan yang kurang terhadap bahan bacaan, kurang menonton siaran dalam bahasa Melayu serta tiada penglibatan dalam aktiviti pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menyebabkan penguasaan bahasa Melayu menjadi lemah (Chew 2016). Kajian Jeyagobi (2011) terhadap murid India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menunjukkan pergaulan yang terbatas sesama kaum mengakibatkan murid tidak menguasai bahasa Melayu.

Bahasa merupakan medium utama dalam penyampaian ilmu. Bagi memastikan keberkesanan proses p&p, bahasa memainkan peranan yang penting. Penguasaan bahasa dalam kalangan murid bermaksud kebolehan menggunakan laras bahasa yang betul dalam komunikasi seharian serta dalam penulisan. Penguasaan bahasa yang lemah dalam kalangan murid bukan Melayu merupakan salah satu faktor kemerosotan pencapaian akademik (Nora'Azian, 2020). Murid haruslah menguasai ketiga-tiga kemahiran iaitu kemahiran membaca, bertutur serta menulis bagi meningkatkan pencapaian prestasi sesuatu mata pelajaran.

2.2. Pencapaian Prestasi

Pencapaian prestasi merupakan skor atau gred yang dicapai oleh murid dalam ujian atau peperiksaan umum (Nora'Azian, 2018). Pencapaian prestasi akademik murid diukur berdasarkan hasil penilaian guru terhadap murid. Penilaian guru adalah dalam bentuk pemberian markah, peratus, gred, pangkat atau pun kedudukan murid dalam kelas (Muhamad-Abdillah & Haleefa, 2011). Penilaian ini digunakan untuk melihat tahap pencapaian prestasi murid dari segi tahap cemerlang, baik, sederhana atau lemah (Muhamad-Abdillah & Haleefa, 2011).

Terdapat banyak kajian empirikal yang membuktikan bahawa kemahiran berbahasa memainkan peranan penting dalam pencapaian prestasi akademik murid (Berry, 2011). Daripada kajian yang dilakukan di Institusi Pengajian Tinggi di Nigeria, India, Amerika Syarikat dan Malaysia, penyelidik mendapati bahawa terdapat korelasi antara penguasaan bahasa Inggeris dengan prestasi pencapaian akademik pelajar (Nara et al., 2015). Misalnya, Aina, Ogundale & Olanipekun (2013) melakukan kajian terhadap hubungan antara penguasaan bahasa Inggeris dengan prestasi akademik pelajar bagi mata pelajaran Sains dan pendidikan Teknikal di Nigeria. Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi kecekapan pelajar dalam bahasa Inggeris, semakin tinggi skor dalam akademik.

2.3. Murid Bukan Melayu

Murid bukan Melayu merujuk kepada penutur bahasa kedua iaitu murid berbangsa Cina, India, dan lain-lain (Nor Zulaiqha et al., 2021). Banyak kajian telah dilakukan bagi melihat penggunaan bahasa kedua iaitu Bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan Melayu. Antaranya, kajian Chew (2016) terhadap murid Cina sekolah rendah menunjukkan penggunaan bahasa Ibunda lebih digemari berbanding dengan bahasa Melayu. Pergaulan sesama kaum merupakan faktor utama menghalang penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Hal ini mengundang permasalahan sebutan dan ejaan seperti sukar membunyikan konsonan m, n, l, r dan konsonan gabungan sy, ny dan ng (Nora'Azian & Fadzilah, 2018).

Kajian yang dilakukan oleh Zeckqualine dan Dayang (2020) terhadap penutur asing berkaitan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menunjukkan kelemahan penguasaan tatabahasa. Dapatan kajian menunjukkan 76% daripada kesalahan yang dilakukan adalah ortografi dan ejaan. Penambahan huruf dengan huruf lain, penambahan serta pengguguran huruf dalam perkataan merupakan kesalahan utama yang dilakukan dalam penulisan. Kesalahan ini berpunca daripada pengaruh bahasa Ibunda dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini turut disokong oleh Nora'Azian dan Fadzilah (2018). Pengaruh bahasa Ibunda yang kuat dalam kalangan murid bukan Melayu menyebabkan murid terbawa struktur sistem bahasa pertama ke dalam pembelajaran bahasa kedua. Keadaan ini menyumbang kepada kelemahan penguasaan bahasa Melayu terutamanya dari segi pertuturan dan penulisan (Chee & Vijaya, 2017).

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data (Merriam, 1998). Pemilihan reka bentuk kajian lapangan adalah bersesuaian dengan tujuan kajian yang memerlukan temu bual secara mendalam untuk mengetahui korelasi antara penguasaan bahasa Melayu serta kesannya terhadap pencapaian prestasi mata pelajaran Perniagaan.

3.2. Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dipilih adalah Puchong dan Subang. Berdasarkan senarai sekolah mengikut daerah PPD Petaling Perdana, Puchong dan Subang merupakan kawasan yang mempunyai bilangan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang paling banyak iaitu

sebanyak 25 buah sekolah ([Portal PPD Petaling Perdana, 2019](#)). Sekolah yang dipilih ini mempunyai bilangan murid bukan Melayu yang paling ramai. Populasi kajian melibatkan guru yang mengajar mata pelajaran Perniagaan di daerah Petaling Perdana, Selangor.

3.3. Populasi dan Persampelan Kajian

Responden dipilih berdasarkan pengalaman dan kesesuaian dalam memberikan data yang tepat, padat dan lengkap mengenai masalah pengkajian. Responden adalah guru yang mengajar di sekolah pelbagai etnik serta berpengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun ([Bailey, 2006](#)). Seramai enam orang responden dipilih kerana tambahan responden tidak dapat memberikan maklumat tambahan atau pengetahuan baru (tepu) mengenai masalah pengkajian ([Kamarul, 2012](#)). Tiga orang daripada responden merupakan pemeriksa kertas Sijil Pelajaran Malaysia dan tiga orang lagi adalah ketua panitia bagi mata pelajaran Perniagaan. Responden kajian diperkenalkan kepada penyelidik oleh informan yang merupakan pihak ketiga ([Kamarul, 2012](#)). Setelah menerima pencalonan responden, penyelidik menghubungi melalui telefon bertanyakan kesanggupan mereka untuk melibatkan diri dalam kajian. Responden dimaklumkan bahawa penglibatan diri dalam kajian ini adalah secara sukarela. Pemerhatian terhadap p&p atas talian berfokuskan kepada interaksi murid bersama guru dengan menggunakan bahasa Melayu.

3.4. Instrumen Kajian

Dokumen yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis peperiksaan murid. Senarai semak atau panduan pertanyaan perlu digunakan dalam kajian yang melibatkan sejumlah responden untuk ditemu bual ([Kamarul, 2012](#)). Aspek yang disoal diputuskan oleh pengkaji sendiri ketika berada di lapangan. Senarai semak ini membolehkan penyelidik tidak tertinggal aspek penting dalam sesuatu kajian.

Analisis data dijalankan semasa data pertama diperoleh iaitu apabila penyelidik melakukan temu bual, pemerhatian dan pembacaan dokumen pada kali pertama. Proses analisis data dilakukan sepanjang tempoh pengumpulan data dalam kajian ([Merriam, 2001](#)). Setiap temu bual yang dilakukan oleh penyelidik di rakam secara audio dan data tersebut ditranskripsikan secara verbatim. Seterusnya, bagi memperoleh kefahaman secara mendalam, data yang ditranskripsikan itu dibaca berulang kali sebelum data tersebut dikategorikan.

4. Hasil Kajian

4.1. Tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu

Bagi menjawab persoalan kajian ini, penyelidik membahagikan kepada tiga tema iaitu kemahiran membaca, bertutur dan menulis. Penyelidik menemu bual enam peserta kajian yang terdiri daripada guru Perniagaan yang berpengalaman.

4.1.1. Tema 1 : Kemahiran membaca

Kemahiran membaca diukur berdasarkan keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul ([Jailani, 2012](#)). Apabila menanyakan mengenai

penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid bukan Melayu, peserta kajian 1 (PK 1) memberikan jawapan berikut:

Mereka tak boleh sebut perkataan dengan betul. Contohnya perkataan Francaisi disebut Flancaisi....

PK 1 mendapati bahawa murid bukan Melayu mengalami kesukaran untuk membunyikan suku kata tertentu serta tidak dapat membaca dengan lancar. Situasi yang sama dihadapi oleh PK 2. Berikut merupakan jawapan PK 2:

Murid tak boleh sebut perkataan dengan betul. Bunyi sebutan itu bertukar menjadi lain, so saya kena faham apa yang ingin disebut. Kadang-kadang murid bercampur dengan bahasa ibunda mereka.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan PK 2, didapati bahawa murid bukan Melayu menghadapi kesukaran dalam sebutan suku kata. Masalah yang biasa dikenal pasti adalah dari segi sebutan huruf dan intonasi sesuatu ayat.

Manakala, hasil temu bual bersama PK 3, PK 4 dan PK 6 adalah seperti berikut:

PK 3 : Mereka boleh membaca tapi mereka tak faham.

PK 4: Mereka boleh membaca dengan lancar tapi tak faham apa yang mereka baca.

PK 6: Mereka boleh baca tapi tak faham apa yang dibaca.

PK 3, PK 4, dan PK 6 menyatakan bahawa murid dapat membaca tetapi tidak memahami teks yang dibaca. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian [Tay dan Wong \(2016\)](#) di mana murid mempunyai masalah untuk menguasai kemahiran membaca seperti memahami kandungan maklumat dalam teks yang dibaca serta tidak memahami ayat yang dibaca.

Dari segi pemerhatian penyelidik dalam kelas PK 1 yang dijalankan atas talian, apabila murid bukan Melayu disuruh membaca petikan daripada buku teks, sebutan murid kurang jelas. Murid berasa amat sukar bagi menyebut perkataan yang terlalu panjang. Sementara itu, seorang murid disuruh membaca petikan daripada buku teks perniagaan tingkatan 4 oleh PK 1. Sewaktu bacaan dilakukan, perkataan yang tidak difahami ditinggalkan. PK 1 menyebut perkataan tersebut dan kemudian diikuti oleh murid.

4.1.2. Tema 2: Kemahiran bertutur

Kemahiran bertutur yang cekap dalam kalangan murid pelbagai etnik memudahkan mencari dan bertukar maklumat, idea serta pendapat sewaktu proses (p&p) di dalam kelas. Bagi mengetahui tahap penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan murid bukan Melayu, penyelidik menanyakan soalan 'Adakah murid dapat mengambil bahagian secara aktif dalam sesi perbincangan?' Jawapan peserta kajian adalah seperti berikut:

PK 1: *Bahasa dia berceluruh. Saya cuba fahamkan apa yang mereka nak cakap. Secara jujur untuk pelajar saya tak mampu untuk buat perbincangan.*

PK 2: *Murid campur aduk dengan bahasa Ibunda. Bahasa perniagaan adalah berbeza. Murid perlu menyebut dengan tepat.*

PK 4: *Majoriti dia orang semua daripada bangsa India kan. Kalau majoriti dah bangsa India bahasa yang digunakan dalam perbincangan tu bukan bahasa Melayu. Masa pembentangan dia akan gunakan bahasa Melayu. Dia akan mencampuraduk bahasa Ibunda.*

PK 5: *Tak semualah. Depend pada kelaslah. Adalah pelajar yang boleh bagi penerangan, bagi cadangan. Kalau kelas hujung, Chinese Chinese, indian indian, melayu melayu. So kalau mereka duduk dalam kelompok mereka, bahasa Ibundalah digunakan.*

PK 6: *Kalau murid rajin memang akan beri komitmen sepenuh dalam perbincangan kumpulan. Bila mereka tak faham mereka tak boleh communicate. Mereka guna bahasa Ibunda.*

Bagi menjawab persoalan penyelidik mengenai aktiviti perbincangan kumpulan, PK 1 menyatakan bahawa bahasa yang digunakan oleh murid sewaktu perbincangan agak bercelaru. Sementara itu, PK 2, PK 4, PK 5 dan PK 6 menyatakan bahawa murid akan menggunakan bahasa ibunda sewaktu perbincangan. Walau bagaimanapun, menurut PK 5 dan PK 6, murid bukan Melayu yang berada dalam kelas hadapan mampu memberikan komitmen sewaktu sesi perbincangan serta dapat melakukan pembentangan.

Dapatan penyelidik menyokong penemuan terdahulu oleh [Siti Saniah \(2013\)](#), serta [Tay dan Wong \(2016\)](#) dan [Chew \(2016\)](#) yang menyatakan bahawa murid berasa lebih selesa dan mudah berkomunikasi dalam bahasa Ibunda apabila berada dalam kelompok etnik yang sama.

4.1.3. Tema 3 : Kemahiran menulis

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat. Penekanan terhadap kemahiran menulis ialah terhadap penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul di samping tulisan yang jelas, cantik dan kemas. Dalam kajian ini, kemahiran menulis murid dinilai dari segi penulisan jawapan bagi kertas 2 yang terdiri daripada soalan struktur, esei dan kajian kes. Bagi melihat aspek penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid bukan Melayu, penyelidik menanyakan soalan: Adakah pelajar mampu menjawab soalan esei dengan baik? Apakah kesalahan yang biasa dilakukan oleh pelajar? Berikut merupakan jawapan peserta kajian :

PK 1 : *Mereka akan tinggalkan soalan esei kerana mereka tidak faham soalan. Dari segi tatabahasa memang tanggung terbalik lah.*

PK 2 : *Kami cuba memahami dengan jelas sebab mereka tulis dalam bentuk point atau numbering. Kita pastikan fakta ada dalam kandungan. Jenis kesalahan selalunya dia tak tahu nak menghurai, tidak tahu term.*

PK 3 : *Apabila sampai kepada soalan penulisan mereka langsung tak boleh jawab.*

PK 4 : *Kalau suruh dia menulis ejaan tak da masalah tapi dari segi struktur ayat memang salah.*

PK 5 : *Dia olah sendiri jawapan guna bahasa dia. Struktur ayat tu kelam kabutlah. Ada 3 kategorilah. Ada Pelajar yang memang tak faham langsung bahasa dan takde minat dia tidak akan menjawab. Dia hantar kertas kosong. Kategori yang ke-2 ni dia faham sikit-sikit bm apa semua apa yang dia buat dia salin balik soalan. kategori ke-3, dia faham dan dia tahu dia jawab. Ayat yg betul tu takdelah tapi ada point kita bagilah markah.*

PK 6: *Kebanyakan murid akan tinggalkan kosong kertas. Murid sederhana akan menulis main point. Takkan tulis satu esei yang lengkaplah.*

Menurut PK 1 dan PK 3, kebanyakan murid kelas mereka tidak akan menjawab soalan esei kerana tidak faham kehendak soalan. Sekiranya, murid menjawab, laras bahasa yang digunakan adalah tidak betul. PK 2 pula menyatakan beliau cuba memahami hasil penulisan murid sebab biasanya tidak pandai menghurai. Murid kelas PK 4 dapat menulis jawapan dengan struktur ayat yang tidak betul. PK 5 membahagikan murid kelas beliau kepada tiga kategori iaitu kategori pertama terdiri daripada murid yang tidak faham kehendak soalan serta tidak berminat, maka mereka akan menghantar kertas jawapan yang kosong. Manakala kategori kedua menyalin semula soalan sebagai jawapan dan kategori ketiga boleh memahami kehendak soalan dan menjawab tetapi ayatnya tidak betul. Markah diberikan berdasarkan fakta walaupun tiada huraian. Menurut PK 6, murid kelas beliau yang lemah penguasaan bahasa Melayu akan menghantar kertas jawapan kosong manakala yang sederhana akan menulis kata kunci yang dihafal.

Secara keseluruhan hasil temu bual dan pemerhatian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu adalah lemah. Dapatan kajian ini adalah sama dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh [Nurhijrah \(2017\)](#) iaitu guru Perniagaan yang mengajar murid multi etnik khususnya murid Cina menghadapi masalah untuk memberi kefahaman tentang ilmu Perniagaan terutamanya yang berada di kelas belakang.

4.2. Hubungan antara tahap penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian prestasi mata pelajaran Perniagaan murid bukan Melayu

Penyelidik menjawab soalan berikut dengan membuat analisis terhadap keputusan peperiksaan SPM 2019 bagi ketiga-tiga sekolah yang dipilih dalam kajian ini. Analisis dokumen di [Jadual 1](#) adalah daripada sekolah A di mana 71 orang murid terdiri daripada murid bukan Melayu dan 18 lagi adalah murid berbangsa Melayu. Hasil keputusan menunjukkan hanya seorang murid mendapat A dengan peratus pencapaian sebanyak 1.13%. Menurut PK 2 yang merupakan ketua panitia mata pelajaran Perniagaan, murid yang mendapat A ini adalah yang berbangsa Melayu. 3 orang murid mendapat gred C (3.37%) iaitu seorang murid bukan Melayu (1.12%) dan 2 orang lagi adalah murid

Melayu (2.25%). Gred D pula diperoleh oleh 2 orang murid Melayu (2.25%) dan 2 lagi adalah murid bukan Melayu (2.25%). Sementara itu, seramai 8 orang murid melayu mendapat gred E (8.99%) manakala 9 orang lagi adalah murid bukan Melayu (10.11%). Peratus keseluruhan pencapaian gred E pula adalah sebanyak 19.10%. Seramai 6 orang murid bukan Melayu (6.74%) tidak menduduki peperiksaan kertas Perniagaan. Secara keseluruhannya, peratus lulus mata pelajaran Perniagaan peringkat SPM pada tahun 2019 bagi sekolah A ini adalah sebanyak 28.09%. Peratus gagal adalah sebanyak 65.16% yang terdiri daripada 53 murid bukan Melayu (59.55%) dan 5 orang murid Melayu (5.61%). Keputusan peperiksaan ini menunjukkan murid bukan Melayu merupakan golongan yang paling ramai gagal dalam mata pelajaran Perniagaan.

Jadual 1: Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019 Sekolah A

Gred	Bil. Murid Melayu	Bil Murid Bukan Melayu	%Pencapaian Murid Melayu	%Pencapaian Murid Bukan Melayu	Pencapaian Keseluruhan
A	1	0	1.13	0	1.13
B	0	0	0	0	0
C	2	1	2.25	1.12	3.37
D	2	2	2.25	2.25	4.50
E	8	9	8.99	10.11	19.10
G	5	53	5.61	59.55	65.16
TH	0	6	0	6.74	6.74
JUMLAH :	18	71	20.23	79.77	100.0

Penyelidik menanyakan soalan berkaitan keputusan peperiksaan SPM tersebut dalam sesi temu bual. Soalan penyelidik “ Mengapakah ramai murid gagal dalam peperiksaan SPM 2019?”

PK 2 : Murid tak pandai bahasa melayu jadi tak dapat nak jawab soalan. Dia tak faham soalan. Tulis pun tak reti. Selalu tak datang ke sekolah. Kerja kursus tak siap.

PK 3 : Mereka ini malas. Selalu tak datang sekolah. Tak siap kerja kursus. Apabila sampai kepada soalan penulisan mereka langsung tak boleh jawab.

PK 2 dan PK 3 menyatakan bahawa penguasaan bahasa yang lemah dalam kalangan murid bukan Melayu ini merupakan faktor utama kegagalan murid dalam peperiksaan. Murid tidak dapat menjawab soalan esei. Ketidakhadiran murid ke sekolah serta tidak menyiapkan kerja kursus menyebabkan ramai murid gagal dalam peperiksaan.

Jadual 2 menunjukkan keputusan peperiksaan SPM tahun 2019 bagi sekolah B. Bilangan murid yang menduduki peperiksaan kertas Perniagaan adalah seramai 48 orang. Daripada jumlah tersebut, 90% adalah murid bukan Melayu. Berdasarkan analisis keputusan di atas, seramai 5 orang murid (10.42%) mencapai gred A di mana 2 orang

adalah murid Melayu (4.17%) dan 3 lagi murid bukan Melayu (6.25%). Seorang murid Melayu (2.08%) dan 2 orang murid bukan Melayu (4.17%) mendapat gred B. Sebanyak 16 orang (33.33%) mencapai gred C iaitu 2 orang berbangsa Melayu (4.17%) dan 14 adalah bukan Melayu (29.16%). 6 orang murid mendapat gred D (12.50%), 10 orang mendapat gred E (20.83%) dan 8 orang mendapat gred G (16.67%). Analisis keputusan menunjukkan bahawa peratus lulus keseluruhan bagi subjek Perniagaan peringkat SPM pada tahun 2019 adalah sebanyak 83.33%. Namun, tidak ada kualiti pada pencapaian prestasi bagi mata pelajaran Perniagaan. Sebanyak 66.66% murid memperoleh gred C, D dan E.

Jadual 2: Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019 Sekolah B

Gred	Bil. Murid Melayu	Bil Murid Bukan Melayu	%Pencapaian Murid Melayu	%Pencapaian Murid Bukan Melayu	Pencapaian Keseluruhan
A	2	3	4.17	6.25	10.42
B	1	2	2.08	4.17	6.25
C	2	14	4.17	29.16	33.33
D	0	6	0	12.50	12.50
E	0	10	0	20.83	20.83
G	0	8	0	16.67	16.67
JUMLAH :	5	43	10.42	89.58	100.0

Penyelidik menanyakan soalan kepada PK 1 dan PK 4 mengenai keputusan peperiksaan tersebut. Soalan penyelidik adalah seperti berikut: 'Cikgu mengatakan bahawa murid cikgu 90% adalah terdiri daripada murid bukan Melayu serta kebanyakan daripada mereka menghadapi masalah penguasaan bahasa Melayu. Jadi apakah kaedah yang cikgu gunakan untuk mendapatkan keputusan lulus sebanyak 83.33%?'

'Saya biasanya menggunakan teknik menjawab. Saya lebih fokus kepada soalan-soalan tahun lepas. Saya akan target soalan bahagian A soalan direct. (PK 1)

PK 1 menerangkan bahawa teknik menjawab merupakan kaedah yang digunakan untuk murid membiasakan diri dengan penulisan jawapan bagi kertas soalan esei. Latihan menjawab soalan-soalan tahun lepas membantu murid dalam menjawab soalan esei.

Saya gunakan teknik hafalan. Saya suruh dia orang jawab sahaja secara singkat dan jawab apa yang dia faham je. (PK 4)

Menurut PK 4, teknik hafalan sangat membantu murid untuk mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian [Noor Zila \(2015\)](#) yang menyatakan bahawa murid India menghafal rumus, contoh jawapan serta menggunakan bahasa perantaraan seperti bahasa ibunda dalam penulisan semata-mata untuk lulus peperiksaan.

Jadual 3 menunjukkan keputusan peperiksaan SPM 2019 bagi sekolah C. Menurut PK 5 yang juga ketua panitia mata pelajaran Perniagaan, hampir 70% murid yang mengambil Perniagaan adalah murid bukan Melayu. Seramai 4 orang murid mendapat gred A (4.88%) iaitu 2 orang murid Melayu (2.44%) dan 2 bukan Melayu (2.44%). Gred B adalah seramai 9 orang (10.98%) di mana 4 orang adalah murid Melayu (4.88%) dan 5 lagi bukan Melayu (6.10%). Manakala hanya 3 orang memperoleh gred C (3.66%) iaitu 2 orang murid Melayu (2.44%) dan seorang bukan Melayu (1.22%). Seramai 13 (15.85%) mendapat gred D di mana 6 orang daripada bilangan ini terdiri daripada murid Melayu (7.32%) dan 7 lagi bukan Melayu (8.53%). Gred pencapaian yang paling banyak adalah gred E iaitu seramai 31 orang murid (37.80%) di mana 7 orang adalah murid Melayu (8.54%) manakala 24 lagi murid bukan Melayu (29.26%). Bilangan murid yang gagal adalah seramai 22 orang yang terdiri daripada 4 murid Melayu (4.88%) dan 18 lagi bukan Melayu (21.95%). Analisis keputusan menunjukkan bahawa murid bukan Melayu kebanyakannya memperoleh gred D, E dan G.

Jadual 3: Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019 Sekolah C

Gred	Bil. Murid Melayu	Bil Murid Bukan Melayu	%Pencapaian Murid Melayu	%Pencapaian Murid Bukan Melayu	Pencapaian Keseluruhan
A	2	2	2.44	2.44	4.88
B	4	5	4.88	6.10	10.98
C	2	1	2.44	1.22	3.66
D	6	7	7.32	8.53	15.85
E	7	24	8.54	29.26	37.80
G	4	18	4.88	21.95	26.83
JUMLAH :	25	57	30.5	69.5	100.0

Berdasarkan keputusan peperiksaan, penyelidik menanyakan soalan “Apakah faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan SPM tahun 2019 bagi mata pelajaran Perniagaan?”

Sehubungan itu, PK 5 menerangkan tentang kaedah p&p yang digunakan:

PK 5 : *Kita sediakan nota yang simple, padat dan suruh menghafal.*

PK 6 : *Saya mengadakan kuiz and then saya buat pembentangan. Kita adakan banyak latihan past year questions.*

PK 5 dan PK 6 menekankan bahawa pencapaian prestasi ini adalah hasil daripada kepelbagaian kaedah p&p di dalam kelas. Misalnya, PK 5 menyediakan nota ringkas dan padat serta teknik hafalan digunakan. Manakala, PK 6 pula mengadakan kuiz , sesi perbincangan dan pembentangan dalam kumpulan serta latihan menjawab soalan-soalan tahun lepas. Dapatan ini disokong oleh kajian Roslan (2014) yang menyatakan bahawa kaedah p&p yang berkesan merupakan salah satu faktor meningkatkan pencapaian prestasi mata pelajaran.

5. Perbincangan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji korelasi antara tahap penguasaan bahasa Melayu dengan pencapaian prestasi mata pelajaran Perniagaan murid bukan Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penguasaan bahasa Melayu dan pencapaian prestasi mata pelajaran Perniagaan. Peserta kajian mengakui bahawa penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu yang datang daripada SJK adalah sangat lemah. Walaupun penguasaan bahasa dalam kalangan peserta kajian sangat baik, namun, mereka terpaksa menggunakan bahasa yang tidak formal dalam p&p bagi memberikan kefahaman kepada murid mengenai isi kandungan Perniagaan. Kesemua peserta kajian mengakui bahawa penggunaan bahasa pasar dan bahasa Ibunda murid dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap mata pelajaran Perniagaan berbanding dengan penggunaan bahasa yang standard. Dapatan ini selari dengan hasil kajian [Nurhijrah et al. \(2019\)](#) yang mengatakan bahawa penggunaan bahasa tidak formal sewaktu p&p dapat mengeratkan hubungan antara guru dan murid serta membantu memberikan kefahaman terhadap sesuatu perkara.

Murid bukan Melayu khususnya murid Cina dan India yang datang daripada SJK mempunyai tahap penguasaan bahasa yang berbeza. Penguasaan kemahiran membaca, bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Misalnya, faktor latar belakang keluarga, pengaruh bahasa Ibunda, pergaulan sesama rakan sekaum, teknik mengajar, persekitaran, minat serta sikap murid terhadap mata pelajaran Perniagaan. Kajian [Nurhijrah \(2017\)](#) membuktikan bahawa seorang guru perlu mengetahui perbezaan keupayaan berbahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Bagi mengatasi masalah ini, guru perlu menggunakan laras bahasa yang mudah difahami oleh murid serta perkataan dalam bahasa Ibunda dan bahasa Inggeris. Keberkesanan p&p berlaku sekiranya wujud komunikasi dua hala di antara murid dan guru. Latar belakang keluarga iaitu sama ada murid datang daripada keluarga berpendidikan atau sebaliknya merupakan salah satu faktor menentukan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Penggunaan bahasa Ibunda dalam komunikasi harian dikaitkan dengan kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Pergaulan yang terbatas sesama kaum juga menghalang penguasaan bahasa Melayu. Hal ini selaras dengan penemuan oleh [Chew \(2016\)](#) dan [Jeyagobi \(2011\)](#).

Penguasaan bahasa yang lemah menyebabkan murid bukan Melayu tidak berminat mempelajari mata pelajaran Perniagaan. Alasan yang diberikan adalah mereka tidak memahami isi kandungan mata pelajaran Perniagaan. Justeru, mata pelajaran Perniagaan membosankan murid terutamanya bagi murid kelas belakang. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh [Tay dan Wong \(2016\)](#) terhadap murid bukan penutur natif di sebuah sekolah di Kuching di mana murid menganggap subjek bahasa Melayu sangat membosankan. Murid hanya mempelajari bahasa Melayu untuk menjawab soalan peperiksaan dan bukannya digunakan dalam kehidupan seharian. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh [Zamri et al. \(2016\)](#) yang mendapati murid bukan Melayu di sekolah menengah mempelajari bahasa Melayu hanya untuk lulus peperiksaan dan bukannya digunakan dalam kehidupan seharian. Justeru, sikap murid yang tidak menitikberatkan kepentingan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam p&p menyebabkan penguasaan terhadap mata pelajaran Perniagaan sangat lemah. Murid menganggap bahasa Melayu sukar dikuasai kerana sebutannya berbeza berbanding dengan bahasa Ibunda. Hasil dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh [Chew dan Lee \(2009\)](#) yang mengatakan

bahawa murid Cina di SRJKC gagal untuk menguasai sebutan dan penulisan bahasa Melayu kerana memiliki sikap negatif seperti membenci atau memandang rendah terhadap bahasa Melayu.

Tabiat tidak suka membaca merupakan faktor penghalang penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. Murid tidak berminat membaca bahan bacaan bahasa Melayu kerana tidak memahami kandungan yang dibaca. Hal ini menyebabkan penguasaan kosa kata yang terhad. Ketidakhahaman serta penguasaan kosa kata yang terhad mengakibatkan murid tidak dapat menjana idea, mengekstrak maklumat serta menghubungkan maklumat baru dengan pengetahuan yang sedia ada. Justeru, murid tidak dapat menyusun jawapan dalam bentuk yang mudah dan teratur ketika menjawab soalan peperiksaan. Hal ini memberikan impak terhadap pencapaian prestasi mata pelajaran Perniagaan. Kajian [Noorazman dan Suhaimi \(2009\)](#) juga mendapati bahawa sekiranya murid tidak mahir dengan kemahiran membaca dan menulis, maka mereka tidak dapat menjawab soalan peperiksaan yang diberikan. Bagi meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid bukan Melayu, para guru, ibu bapa serta rakan-rakan harus memainkan peranan. Penyediaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dalam p&p dapat menarik minat murid bagi menguasai mata pelajaran Perniagaan. Suasana sesi p&p yang menarik dapat mendorong minat serta mengubah sikap murid dalam menguasai sesuatu mata pelajaran. Murid yang belajar dengan penuh minat dapat memperoleh pencapaian prestasi yang lebih baik ([Mohd Noor, 2015](#)).

6. Kesimpulan

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran di sekolah kebangsaan di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan bahasa Melayu merupakan faktor utama penentuan pencapaian prestasi murid dalam mata pelajaran Perniagaan. Justeru, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu perlu diberikan perhatian. Kefahaman membaca murid terutamanya daripada aliran sekolah jenis kebangsaan(SJK) berada pada tahap yang membimbangkan. Murid mengalami kesukaran membaca walaupun sudah menamatkan persekolahan peringkat sekolah rendah selama enam tahun. Masalah kesukaran membaca serta mentafsir teks bahan bacaan menyebabkan murid tidak dapat menguasai mata pelajaran Perniagaan. Kemahiran menulis murid bukan Melayu berada pada tahap yang sederhana dan rendah. Murid tidak dapat memindahkan idea yang dibaca dan diketahui dalam bentuk penulisan akibat penguasaan kosa kata yang terhad. Penguasaan kemahiran menulis yang cekap membolehkan murid menyusun ayat secara gramatis serta membuat penghuraian yang jelas yang menepati kehendak soalan. Namun, sikap tidak suka membaca bahan bacaan bahasa Melayu menyebabkan murid bukan Melayu tidak dapat menguasai bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Ibunda membataskan lagi pergaulan murid antara kaum menyebabkan kelemahan dalam penguasaan bahasa Melayu.

Justeru, peranan semua pihak termasuk penggubal dasar, guru, pentadbir sekolah, ibu bapa dan masyarakat perlu ditingkatkan bagi memartabatkan bahasa Melayu dalam pendidikan serta meningkatkan perpaduan pelbagai etnik di Malaysia. Dasar pendidikan kekal sebagai faktor utama yang terus mempengaruhi keberkesanan p&p bahasa Melayu di sekolah. Krisis dalam sistem pendidikan boleh disemak dengan baik pulih dasar bahasa sekarang. Selain itu, guru perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dan minat murid supaya dapat menguasai bahasa Melayu yang merupakan bahasa pengantar di sekolah. Pada peringkat sekolah rendah, kaedah pengajaran perlu dimantapkan lagi supaya bersesuaian dengan murid yang berlainan

tahap. Pengetahuan guru serta kemahiran mengajar akan meningkatkan minat serta motivasi dalam kalangan murid. Penggunaan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik dapat meningkatkan pencapaian prestasi murid bukan Melayu. Kualiti pengajaran menentukan tahap literasi dalam kalangan murid.

Selain itu, ibu bapa juga memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan anak-anak menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pembelian buku cerita dalam bahasa Melayu, menonton program versi bahasa Melayu bersama keluarga, bertutur dalam bahasa Melayu di rumah serta membaca surat khabar bahasa Melayu merupakan contoh usaha yang diambil oleh ibu bapa. Pembelajaran bahasa dalam keadaan santai dapat menarik minat murid terhadap penguasaan bahasa Melayu. Contohnya permainan 'Scrabble', teka silang kata, jejak kata, bentuk kata dan teka-teki merupakan jenis permainan yang dapat meningkatkan penguasaan kosa kata. Maka, ibu bapa perlu memainkan peranan supaya anak-anak dapat menguasai bahasa kedua iaitu bahasa Melayu dengan baik.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan teristimewa buat insan termulia, penyelia saya, Prof. Dr Norasmah Othman atas bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang projek penyelidikan. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga buat para responden yang sanggup meluangkan masa dan tenaga dalam membantu menyiapkan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan. Segala kos ditanggung oleh penulis dalam menyiapkan kajian dan penerbitan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penulisan ini.

Rujukan

- Aina, J. K., Ogundele, A. G., & Olanipekun, S. S. (2013). Students' Proficiency in English Language Relationship With Academic Performance in Science and Technical Education. *American Journal of Educational Research*, 9, 355-358.
- Bailey, R. (2006). Physical Education and Sport in Schools: A Review of Benefits and Outcomes. *Journal of School Health*, 76, 397-401.
- Berry, B. (2011). *Teacher Leadership: Leading the Way to Effective Teaching and Learning*. Center for Teaching Quality.
- Chee, H. O. & Vijaya Letchumi Subramaniam. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Journal UlumIslamiyyah*, 20, 35-45.
- Chew, F. P. & Lee, T. L. (2009). *Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu*. 2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning amongst Non-Native Speaker: Language Competence and Performance. 2-3 Disember, UiTM, Shah Alam.

- Chew, F. P. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Daller, M. H., & Phelan, D. (2013). Predicting International Student Study Success. *Applied Linguistics Review*, 4(1), 173-193.
- Fakeye, D. & Ogunsiji, Y. (2009). English Language Proficiency As a Predictor of Academic Achievement Among ELF Students in Nigeria. *Journal of Science Research*, 37, 490-495.
- Fakeye, D. & Ogunsiji, Y. (2014). Students' Personal Variables as Correlates of Academic Achievement in English as a Second Language in Nigeria. *Journal of Social Sciences*, 22(3), 205-211.
- Jailani Che Abas. (2012). Analisis Kecelaruhan Membaca Bahasa Melayu Pelajar Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M). *Masters thesis, University of Malaya*.
- Jeyagobi. (2011). *Gaya Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar India*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Komba, C.S., & Bosco, S. (2015). Do Students' Backgrounds In The Language Of Instruction Influence Secondary School Academic Performance. *Journal Of Education and Practice*, 6(30), 148-156.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey-Bass Publishers, San Francisco.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey-Bass Publishers, San Francisco.
- Mior Khairul Azrin. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 4(1), 33-48.
- Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir. (2015). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Fizik dan Hubungannya dengan Pencapaian dalam Kalangan Pelajar Sains. *Jurnal Personalita Pelajar*, 19(1), 23-38.
- Muhamad Abdillah Royo & Haleefa Mahmood. (2011). Faktor-Faktor Kelemahan yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang dalam Mata Pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2, 145-174.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.
- Nara M. Martirosyan, Eunjin Hwang & Reubenson Wanjohi. (2015). Impact of English Proficiency on Academic Performance of International Students. *Journal of International Students*, 5(1), 60-71.
- Nation, I.S.P. (2011). Vocabulary research into practice. *Language Teaching*, 44(4), 529-539.
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(4), 19-28.
- Noor Zila Md. Yusuf. (2015). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *JurnalRampak Serantau*, 23, 45-74.
- Noorazman Mahat. (2009). Panduan Menulis Karangan. *Karangan Bagus*. <http://karanganbagus.blogspot.com>

- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar, & Norazimah Zakaria. (2021). Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu oleh Murid Cina: Teori Analisis Kontrastif. *LSP International Journal*, 8(1), 35-55.
- Nora'Azian & Fadzillah. (2018). Tahap Profisiensi Bahasa Melayu dan Hubungannya dengan Status Sosioekonomi, Motivasi Belajar dan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 287-316.
- Nora'Azian. (2020). *The level Of Proficiency of Malay Language Reading Skills of Non Native Students In Primary Schools*. Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya Kedelapan Belas di selenggarakan secara daring, 16-18 September 2020, Jakarta, Indonesia. <http://irep.iium.edu.my/85789/>
- Norizan Md Nor & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 134(1), 408- 415.
- Nur Maizatul, A.Z., Faizal Hashim, Nor Aimi,A.W., & Suhaiza Hasan. (2017). Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Fizik: Satu Sudut Pandangan. *Journal of Social Siences*, 3(1), 391-408.
- Nurhijrah,Z. (2017). Komunikasi Antara Budaya. *Jurnal Paradigma*, 14(1), 199-209.
- Nurhijrah,Z., Zuria,M. & Mohd Mahzan,A. (2019). *Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Realiti Dan Cabaran Di Sekolah Pelbagai Etnik*. Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu Kedua, 2019.
- Ooi, C. H. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Ulum Islamiyyah*, 20.
- Portal PPD Petaling Perdana. (2019). <http://www.moe.gov.my/ppdpetalingperdana/>
- Robelle Millie Ann B.Racca & Ronald Candy S.Lasaten. (2016). English Language Proficiency and Academic Performance of Philippine Science High School Students. *International Journal of Languages, Literature ang Linguistics*, 2(2), 44-49.
- Roshidah Hassan. (2015). Analisis Penguasaan Bunyi Vokal Bahasa Perancis Oleh Pelajar Melayu. *Journal Of Language Studies*, 15(3), 99-120.
- Roslan Abu Hassan. (2014). Kompetensi Guru Bukan Opsyen yang Mengajar Kemahiran Teknikal di Kolej Vokasional Negeri Pahang. <https://vdocuments.mx/kompetensi-guru-bukanopsyen-yang-mengajar-.html>
- Shahidi, A. H. & Shirley Langgau. (2015). Penelitian Akustik Terhadap Aspek Sebutan Bahasa Melayu oleh Penutur Iban. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2),2015, 104-115.
- Siti Saniah. (2013). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Di Jerman. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 21-35.
- Tay, M. G. & Wong, S. H. (2016). Minat Pelajar Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. *Jurnal Penyelidikan*, 13(1), 53-63.
- Teo, K. S. (2014). *Siri Wacana Pemartaban Bahasa Kebangsaan*. Muzium Diraja, Istana Negara Lama. Kuala Lumpur pada 24 Februari 2014.
- Zamri Mahamod et al. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa melayu Dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 38-51.
- Zeckqualine Melai & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. (2020). Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa dalamPenulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1), 86-106.